

# Angkatan Tentera perlu kekalkan pencapaian—Dr M

04 NOV 1965

KUANTAN, Khamis  
— Perdana Menteri,  
Datuk Seri Dr Ma-  
hathir Mohamad ber-  
kata hari ini, tidak ada  
tugas lebih mulia se-  
lain dari memperta-  
hankan negara seperti  
yang ditunjukkan oleh

anggota angkatan ten-  
tera.

Beliau menggesa me-  
reka supaya mengekal-  
kan pencapaian itu se-  
panjang masa agar  
keamanan negara terka-  
wal terus walaupun tidak  
ada peperangan besar.

Katanya, "kita harus

bersedia walaupun tidak  
berperang kerana anca-  
man penganas komunis  
di negara ini, sungguhpun  
terkawal boleh men-  
jejaskan pembangunan  
dan kemajuan."

Datuk Seri Dr Ma-  
hathir Mohamad berkata  
demikian ketika berucap  
kepada anggota dan pe-  
gawai ketiga-tiga per-  
khidmatan tentera di  
majlis jamuan tengah  
hari sempena lawatan se-  
hari ke sini hari ini.

Kira-kira seribu  
anggota Tentera Udara  
Diraja Malaysia  
(TUDM), Tentera Laut  
Diraja Malaysia  
(TLDM) dan Tentera Da-  
rat Malaysia yang ber-  
pangkalan di sekitar ka-  
wasan Kuantan  
menyertai jamuan ma-  
kan tengah hari itu di de-  
wan makan lain-lain  
pangkat pasukan Kavalri  
Pertama di Kem Batu Se-  
puluh di sini.

## Ancaman

Menurut Datuk Seri Dr  
Mahathir, sungguhpun  
negara tidak berperang,  
ancaman musuh utama  
negara iaitu penganas  
komunis menghendaki  
rakyat berjaga-jaga su-  
paya pembangunan ne-  
gara terus berjalan lan-  
car.

"Ini akan membole-  
kan matlamat pem-  
bangunan dicapai dan se-  
cara langsung akan  
memperkuh ekonomi  
negara dan rakyat," je-  
lasnya.

Menurutnya, sebagai  
sebuah negara sedang  
membangun, kita perlu  
mengagih-agihkan pe-  
runtukan dalam pelbagai  
bidang pembangunan.

Katanya, kerajaan  
mengambil perhatian be-  
rat terhadap perkem-  
bangan angkatan bersen-  
jata negara ini dan  
keperluan pertahanan se-  
cukupnya sentiasa diuta-  
makan.

Tetapi, kerana kemele-  
setan ekonomi sekarang,  
kerajaan terpaksa  
mengutamakan kegiatan  
yang benar-benar pen-  
ting, tetapi ini tidak ber-  
makna perhatian yang  
wajar tidak diberikan ke-  
pada keperluan lain.

Katanya, negara  
sangat terhutang budi  
kepada angkatan bersen-  
jata di negara ini, kerana  
jika tidak dengan rasa  
tanggungjawab mereka,  
rakyat khuatir keadaan  
keselamatan di negara  
ini akan terjejas.

Menurut Datuk Seri Dr  
Mahathir, inilah lawa-  
tannya yang pertama ke  
ketiga-tiga perkhidma-  
tan angkatan tentera iai-  
tu TUDM, TLDM dan  
Tentera Darat.